



**Jurnal Qiraat**  
 Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
 Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor  
 2021, VOL 4, Bil 2, Halaman 24-39

## **Banding Beza Aspek Pergantian (*al-Ibdal*) antara Qiraat Mutawatirah dan al-Qiraat al-Syazzah Bersumberkan Qiraat ‘Abd Allah Ibn Mas’ud r.a**

*[Comparison Of The Differences In The Context Of Substitution (Al-Ibdal) Between Qiraat Mutawatirah And Qiraat Syazzah Sourced From Qiraat ‘Abd Allah Ibn Mas’ud r.a]*

**Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi<sup>1\*</sup> & Wan Muhammad Hafizuddin Wan Abd Halim.<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Suktan Idris, 35900 Tg. Malim Perak, MALAYSIA

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Suktan Idris, 35900 Tg. Malim Perak, MALAYSIA

\* Corresponding Author: Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Suktan Idris, 35900 Tg. Malim Perak, Malaysia. [zulfiqar@fsk.upsi.edu.my](mailto:zulfiqar@fsk.upsi.edu.my), Phone Number : +605-4505116, ORCID iD : 0000-0002-2152-3527.

### **ABSTRACT**

*Al-Qira'at Syazzah is one of the important discussions in the study of al-Qira'at. The recitation is rejected and not considered as part of the Qur'an due to non-compliance with the Qira'at rules that have been agreed to by the scholars. Ibn Mas'ud was among the companions whose recitations are different as compared to Quran Rasm Uthmani. This study focuses on the alternation (*al-Ibdal*) found in Qira'at Ibn Mas'ud. In total there are 285 alternations in Qira'at Ibn Mas'ud. Those changes cover alternations of the letters, the adjunctive particles, words, sentence phrases, and defective alternation (*al-Ibdal al-Naqis*). Even so, in terms of meaning, all forms of substitution that occur do not change the meaning of the sentence even if the form of writing is different. Most of the differences that occur have almost the same meaning but in different pronunciations. Thus, the change that occurs can be categorized as *tafsiriyyah* (interpretation) and *tanawwu'at* (diversity) not *tadad* (opposite).*

### **Keywords**

*al-Ibdal; al-Qiraat Qur'aniyyah; Qiraat Syazzah; Rasm Uthmani.*



## ABSTRAK

Al-Qira'at Syazzah merupakan salah satu perbincangan penting dalam pengajian ilmu al-Qira'at. Sesuatu bacaan dikira ditolak dan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada al-Quran apabila bacaan berkenaan tidak mematuhi rukun Qira'at yang telah disepakati oleh para ulama. Ibn Mas'ud adalah antara para sahabat yang bacaannya berbeza berbanding al-Qiraat al-Mutawatirah. Kajian ini memfokuskan kepada selang-seli (*al-Ibdal*) yang terdapat dalam Qira'at Ibn Mas'ud. Secara keseluruhan terdapat 285 bentuk pergantian (*Ibdal*) dalam Qira'at Ibn Mas'ud. Perubahan tersebut meliputi pergantian huruf, partikel adjungtif, perkataan, frasa ayat, dan pergantian tidak lengkap (*al-Ibdal al-Naqis*). Namun semua bentuk pergantian yang berlaku ini tidak mengubah maksud ayat walaupun bentuk tulisannya berbeza. Kebanyakan perbezaan yang berlaku masih mempunyai maksud yang hampir sama namun dalam ungkapan yang berbeza. Maka, perubahan yang berlaku boleh dikategorikan sebagai *tafsiriyyah* (tafsir) dan *tanawwu'at* (kepelbagaian) bukan *tadad* (berlawanan).

### Keywords

*al-Ibdal; al-Qiraat Qur'aniyyah; Qiraat Syazzah; Rasm Uthmani.*

## 1.0 PENGENALAN

Al-Qira'at merupakan ilmu yang membincangkan tentang sebutan dan cara menuturkan kalimah al-Qur'an. Cara sebutan itu termasuk yang disepakati oleh beberapa imam atau terdapat perbezaan dalam sebutan lafaz kalimah tertentu (Ibn al-Jazari 1994; al-Qadi 1992; Muhammad Salim 1993). Semua bentuk sebutan dan bacaan mesti bersumberkan daripada Rasulullah SAW dan bukan hasil ijihad para sahabat atau imam Qira'at. (al-Tahawi 1995; al-Fudayli 1985; al-Zarqani 1995).

Perkataan *al-Syazzah* merupakan kata nama terbitan yang merujuk kepada individu yang berpisah dari kumpulan (Ibn Faris, 1991). *Al-Qira'at al-Syazzah* didefinisikan sebagai bacaan yang tidak mencapai tahap *mutawatir* (al-Sakhawi, 2008; al-Safaqsiy, 2004; al-Suyuti, 1988). Menurut al-Qaysi (1977), *al-Qira'at al-Syazzah* ialah sesuatu yang menyalahi sama ada *al-rasm* (tulisan) atau kaedah bahasa Arab, walaupun ianya diriwayatkan oleh perawi yang thiqah (dipercayai) daripada perawi yang juga thiqah, atau dari perawi yang tidak thiqah atau thiqah akan tetapi tidak masyhur. Ibn al-Jazari (1999) pula menyatakan *al-Qira'at al-Syazzah* merujuk kepada sanad yang sah, tepat dengan bahasa Arab akan tetapi menyalahi rasm al-Qur'an sama ada berlaku penambahan, pengurangan atau pertukaran kalimah. Manakala definisi yang dipegang oleh ramai ulama Qira'at ialah Qira'at yang mana telah gugur satu rukun atau lebih daripada rukun *al-Qira'at al-Sahihah* iaitu sanad yang mutawatir, tepat dengan kaedah bahasa Arab dan Rasm Uthmani (Abu Syamah, 1978; al-Nuwayri, 2003). Menurut al-Bulqini (2010), bacaan ini merujuk kepada Qira'at para tabi'in seperti Sa'id bin Jubayr, Ibn Muhaysin, Ibn Abi 'Abalah, al-'A'masy, Yahya bin Wathab dan sebagainya.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, *al-Qira'at al-Syazzah* boleh disimpulkan sebagai bacaan al-Qur'an yang telah diriwayatkan secara bersanad daripada Rasulullah SAW namun ia tidak melengkapkan satu atau lebih syarat penerimaan al-Qira'at sama ada disebabkan oleh sanad yang tidak *mutawatir*, bersalahan dengan rasm Uthmani dan tidak tepat dengan kaedah bahasa Arab.

## 2.0 TOKOH SAHABAT 'ABD ALLAH BIN MAS'UD R.A

Nama penuh dan keturunan Abd Allah Ibn Mas'ud ialah 'Abd Allah Ibn Mas'ud r.a Ibn Ghafil Ibn Habib Ibn Syamkh Ibn Far Ibn Makhzum Ibn Sahilah Ibn Kahil Ibn al-Harith Ibn Tamim Ibn Sa'ad Ibn Hudhayl Ibn Mudrikah Ibn Ilyas Ibn Mudir al-Hudhyl, Abu Abd al-Rahman. (Ibn 'Athir al-Jazari, 1987). Abd Allah Ibn Mas'ud r.a



merupakan antara yang terawal memeluk Islam seperti mana dakwaannya dalam menyatakan tentang dirinya; “Sesungguhnya engkau melihat aku, keenam dari yang muslim di atas bumi ini.” al-Hakim (1990).

Ketokohan Abd Allah Ibn Mas’ud r.a sebagai sahabat yang utama dan hebat dibuktikan dalam al-Quran, Hadith dan pandangan para sahabat lainnya (Zulfiqar Shah & Abd Rahman 2018). Pengiktirafan dalam al-Quran boleh dirujuk pada ayat-ayat yang menyatakan tentang kelebihan para sahabat antaranya Surah *al-Fath* : ayat 18, Surah *al-Tawbah* ayat 100 dan Surah Ali Imran ayat 16 dan 17. Pengiktirafan dalam hadith boleh dirujuk antaranya sebagaimana berikut :

- 1) Keakraban Ibn Mas’ud r.a juga dengan Nabi SAW. Imam al-Bukhari (1993) meriwayatkan Abu Musa al-‘Asy’ari r.a telah berkata : “*Aku tidak pernah melihat Rasulullah SAW tanpa kewujudan Ibn Mas’ud r.a di sisi baginda. Dia sentiasa ada bersama Rasulullah SAW semasa kami tiada, diberi keizinan oleh Rasulullah s.a.w kepada beliau semasa kami di halang*” (al-Bukhari, *Bab Manaqib Abd Allah bin Mas’ud* r.a. No. Hadith: 3763).
- 2) Restu dari Nabi SAW. Al-Hakim (1990) meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda; “*Aku merestui ke atas umatku atas apa yang direstui oleh Ibn Umm Abd (Abd Allah Ibn Mas’ud)*”. (Mustadrak al-Hakim (1990). *Bab Manaqib Abd Allah bin Mas’ud*. No. Hadith : 5387)
- 3) Rujukan utama al-Quran : *Daripada Masruq, telah disebut oleh ‘Abd Allah Ibn Amru tentang ‘Abd Allah bin Mas’ud r.a dia berkata : Aku masih sayangkan dia (‘Abd Allah Ibn Mas’ud) Aku telah mendengar Rasulullah SAW telah bersabda : “Ambillah (pelajarilah) al-Qur’an daripada empat (orang) iaitu dari ‘Abd Allah Ibn Mas’ud, Ubay Ibn Ka’ab Salim (Hamba Abu Hudhayfah) dan Mu’adh Ibn Jabal”*. (al-Bukhari, 1993. *Bab al-Qurra’ min Ashab al-Nabi Salla Allah Alayhi Wa Sallam*. No. Hadith: 4615 dan 3524)
- 4) Watak dan kemuliaan yang dekat dengan Nabi SAW. Al-Bukhari (1993) telah meriwayatkan : *Daripada Abd al-Rahman bin Yazid telah berkata : Kami telah bertanya kepada Hudhayfah tentang siapakah lelaki yang amat dekat perwatakan dan kemuliaan dengan Rasulullah SAW sehingga boleh kami ambil contoh darinya. Maka telah berkata Hudhayfah : “Aku tidak mengetahui tentang orang lain yang amat dekat perwatakan dan kemuliaan dengan Rasulullah SAW setanding Ibn Umm Abd”*. (al-Bukhari, *Bab Manaqib Abd Allah bin Mas’ud* r.a : 3478).
- 5) Permintaan Rasulullah agar diperdengarkan bacaan kepada Baginda SAW. Al-Bukhari, (1993) meriwayatkan : “*Daripada ‘Abd Allah bin Mas’ud r.a : Beliau telah berkata : Nabi SAW telah berkata kepada aku “Bacakan lah Al-Qur’an untuk ku ! ”. Lalu aku menjawab: "Apakah aku pula yang membacakan Al-Qur’an untuk mu”. Ya Rasulullah, padahal Al-Qur’an itu diturunkan Tuhan kepada mu ? ”. Kemudian Ibn Mas’ud r.a pun membacakan Surah Al-Nisa’ dan apabila sampai kepada ayat ke-41 yang berbunyi: "Maka bagaimanakah (halnya orang kafir nanti), apabila Kami mendatangkan seorang saksi (rasul dan nabi) dari tiap-tiap umat dan Kami mendatangkan kamu (Muhammad) sebagai saksi atas mereka itu (umat mu)." Lalu beliau berkata: "Cukuplah setakat ini sahaja". Ibn Mas’ud r.a melihat Rasulullah menitiskan air matanya”. ( Sahih al-Bukhari, 1993. *Bab Qawl al-Muqri’ Li al-Qari’ Hasbuk*. No. Hadith : 4662).*
- 6) Pengiktirafan sebagai sahabat yang mempunyai bacaan yang tepat dan sesuai dengan bacaan ketika ayat tersebut diturunkan. Al-Hakim (1990) meriwayatkan : “*Daripada ‘Umar r.a telah berkata : Rasulullah SAW telah bersabda: Sesiapa yang menyukai untuk membaca al-Qur’an sesuai sebagaimana ianya diturunkan maka bacalah sepertimana bacaan Ibn Umm ‘Abd”*. (Mustadrak al-Hakim 1990. *Bab Manaqib ‘Abd Allah bin Mas’ud* No. Hadith : 5386,5390 dan Ibn Majah 2009. No. Hadith : 139)
- 7) Pengiktirafan terhadap pengetahuan yang luas tentang setiap peristiwa dalam penurunan al-Qur’an. Al-Bukhari (1993) dan Muslim (1365H) meriwayatkan : “*Daripada Masruq diriwayatkan daripada ‘Abd Allah telah berkata : Dan tidak ada selainnya yang mengetahui daripada kitab Allah satu surah kecuali aku mengetahui di mana ianya diturunkan dan tidak ada ayat kecuali aku mengetahui dalam keadaan mana ianya diturunkan. Dan sekiranya aku mengetahui ada seorang yang lebih mengetahui berkenaan dengan kitab Allah (lebih) daripada aku akan capai untaku dan pergi menemuinya”*. (Sahih al-Bukhari, 1993. *Bab al-Qurra’ min Ashab al-Nabi Salla Allah Alayhi Wa Sallam*. No. Hadith: 4618 dan Sahih



Muslim, 1365H. *Bab Min Fada'il 'Abd Allah bin Mas'ud wa Ummuhu Radiy Allah Anhuma*. No. Hadith : 4503)

'Abd Allah Ibn Mas'ud r.a telah meninggal dunia pada 32 Hijrah di Madinah al-Munawwarah. (Khalid Abd al-Rahman al-'Akk, 1994) ketika itu beliau berumur lebih dari 60 tahun (Muhammad Rawwas Qal'ah Ji, 1984). Beliau telah disemadikan di sebelah kubur Uthman Ibn Maz'un dalam kawasan perkuburan Baqi'. (al- Tabari, 1407H)

### 3.0 PERGANTIAN (*AL-IBDAL*) DALAM AL-QURAN (*AL-QIRAAT AL-MUTAWATIRAH*)

*Al-Ibdal* menurut bahasa ialah kata terbitan dari (أبدل) yang bermaksud menjadikan sesuatu atau menggantikan tempat sesuatu dengan yang lain. (Ibn Faris, 1991). Manakala menurut para ahli saraf ia bermaksud menggantikan huruf di suatu tempat dengan selainnya secara mutlak. Ahli bahasa pula menambah dengan memasukkan sama gantian baris. (Ibrahim Muhammad Naja, t.t). Dalam konteks al-Qur'an yang merujuk juga kepada al-Qiraat al-Mutawatirah, Abd al-Sabur Shahin (1966) menyatakan *al-Ibdal* mengambil kira apa yang jelas berbeza dari sudut loghat yang mana huruf itu dekat bunyi sebutannya sama ada sifat atau makhraj sesuatu huruf. Al-Farra' (2010) dalam *Ma'ani al-Qur'an* juga menyatakan keadaan yang sama iaitu sekiranya sesuatu huruf itu dekat dari sudut makhrajnya maka ia adalah dikira hampir dalam sebutan Arab.

Manakala mengikut ilmu Rasm Uthmani, *al-Ibdal* merujuk kepada menukarkan sesuatu huruf kepada huruf yang lain. Mengikut kaedah rasm Uthmani, ia terbahagi kepada lima bentuk pertukaran iaitu *ibdal al-Alif* kepada *al-Waw* (الْوَوُّ) *ibdal al-Alif* kepada *al-Ya'* (يَأْسَفِي), *ibdal Nun* kepada *al-Alif* (الْنَسْفَعَا), *ibdal al-Ta' al-Marbutah* kepada *al-Ta' al-Mafthuhah* (شَجَرَت) dan *ibdal al-Waw* kepada *al-Alif* yang mana merupakan huruf asal ketiga adalah *al-waw* (الْوَوُّ) (Sha'ban Muhammad Isma'il 2001).

Al-Jassas (1405H) pula menyatakan dalam *Ahkam al-Qur'an* bahawa perkataan (النسخ) dalam ayat ( ما ( نسخ من آية أو ننسها نأت بخير منها أو مثلها ) merujuk kepada kehilangan (الإزالة) dan ada yang berpendapat ia adalah merujuk kepada pergantian (الإبدال).

#### 3.1 Bentuk-bentuk *al-Ibdal* dalam al-Quran

Muhammad Riyad Karim (1996) dalam *al-Muqtadib fi Lahjat al-'Arab* membahagikan *al-Ibdal* kepada dua iaitu :

- 1) *Al-Ibdal al-Muttarid* : ia dinamakan juga sebagai *al-Ibdal al-Qiyasi* dalam kebanyakan masyarakat Arab dan mengandungi beberapa syarat khusus.
- 2) *Al-Ibdal Ghayr al-Muttarid* : Ia dinamakan juga sebagai *al-Ibdal al-Sima'i*. Ia tidak melibatkan keseluruhan penggunaan oleh masyarakat Arab dan berbeza antara berdasarkan loghat yang digunakan oleh kabilah-kabilah Arab.

Manakala Manna' Qattan (1998) menyatakan *al-Ibdal* dalam al-Qur'an terbahagi kepada 3 bentuk iaitu :



- 1) *Ibdal Harf bi Harf*: iaitu pergantian huruf dalam kalimah yang sama contohnya ialah seperti ayat : وانظر (ننشرها) (ننشرها) yang mana berlaku pergantian huruf *al-Zay* menjadi huruf *al-Ra'* (ننشرها) atau contoh lain ialah ayat (فجاسوا خلال الديار) yang dibaca dengan (فحاسوا) dengan *al-Ha'*.
- 2) *Ibdal Lafz bi Lafz* : iaitu lafaz perkataan dengan lafaz yang lain. Contohnya ialah (كالعهن المنفوش) yang dibaca dengan (كالصوف المنفوش).
- 3) *Ibdal Ma'a al-Taqarub al-Makharij* : iaitu pergantian yang berlaku disebabkan tingkatan makhray yang sama. Contohnya ialah (وطلح منضود) yang dibaca dengan (طلع). Makhray *al-Ha'* dan *al-'Ayn* adalah dari terbitan sebutan (*makhray*) yang sama iaitu *al-Halq* (halkum).

Menurut al-Zarqani (1995) dan Subhi Salih (1977) menukulkan bahawa Ibn Qutaybah (276H) dalam membincangkan konsep *Sab'ah Ahruf* telah membahagikan pergantian perkataan atau *al-Ibdal* dalam Qira'at terbahagi kepada dua :

- 1) Pertukaran dan pergantian perkataan yang menyebabkan perubahan tulisan tanpa mengubah makna
- 2) Pertukaran dan pergantian perkataan yang menyebabkan perubahan tulisan dan makna.

Kesimpulan dari semua definisi yang dikemukakan ialah *al-Ibdal* dalam al-Quran (*al-Qiraat al-Mutawatirah*) merupakan pergantian sesuatu lafaz atau perkataan sama ada yang melibatkan huruf, titik, baris atau lafaz berdasarkan kepelbagaian loghat, bahasa atau lafaz yang kurang popular. Pergantian juga boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu perubahan tulisan tanpa mengubah makna dan kedua ialah pertukaran perkataan yang menyebabkan perubahan tulisan dan makna.

#### 4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah sepertimana berikut :

1. Mengkaji tokoh sahabat °Abd Allah bin Mas°ud dan bentuk *Ibdal* yang berlaku dalam Qiraat yang disandarkan kepada beliau.
2. Menganalisis perbezaan yang wujud antara *al-Qiraat al-Mutawatirah* dan riwayat *al-Qiraat al-Syazzah* bersumberkan °Abd Allah bin Mas°ud r.a khususnya dalam konteks *Ibdal*.
3. Menganalisis bentuk perbezaan *al-Qira'at al-Syazzah* bersumberkan °Abd Allah bin Mas°ud r.a berbanding *al-Qiraat al-Mutawatirah*.

#### 5.0 METODOLOGI KAJIAN

Secara keseluruhan kajian ini merupakan kajian kualitatif (*library research*) menerusi pendekatan kajian perpustakaan dengan menggunakan metode dokumentasi. Pengumpulan data melalui dokumentasi ini bersumberkan kitab-kitab Tafsir, Hadith, Tesis dan Disertasi, Artikel Jurnal dan Ilmiah, Buku rujukan ilmiah, Laman Sesawang dan menggunakan perisian *al-Maktabah al-Shamilah* edisi 3.48. Kajian ini telah mengenal pasti sejumlah 285 tempat berlakunya perbezaan antara *al-Qiraat al-Mutawatirah* berbanding Qiraat °Abd Allah bin Mas°ud r.a. Ini sekaligus menjadikan pergantian (*al-Ibdal*) merupakan kategori yang paling banyak berlaku perbezaan antara Qiraat Ibn Mas°ud berbanding *al-Qiraat al-Mutawatirah*.

#### 6.0 DAPATAN KAJIAN



Dalam menganalisis *al-Qira'at al-Syazzah*, kajian ini telah mengambil kira beberapa bentuk *al-Ibdal* yang ditakrifkan oleh para ulama dan melakukan sedikit pengubahsuaian. Konsep *al-Ibdal* dalam *al-Qira'at al-Syazzah* berdasarkan kajian berlaku dalam lima keadaan iaitu; pergantian sesuatu huruf, kata penyambung, perkataan, frasa yang berlaku dalam al-Qur'an dengan lafaz lain dan bentuk pergantian perkataan yang kata asalnya adalah sama.

Secara keseluruhan, berdasarkan kajian yang dibuat terhadap bacaan 'Abd Allah bin Mas'ud r.a menunjukkan pergantian atau *al-Ibdal* merupakan bentuk yang paling dominan. Pergantian ini berlaku dalam pelbagai bentuk dengan jumlah keseluruhannya ialah 285 tempat di dalam al-Qur'an. Kesemua bentuk ini telah dianalisis dan dikategorikan kepada lima bentuk sebagaimana berikut :

- i. Pergantian Partikel Huruf dengan Huruf (*al-Ibdal al-Harfi*)
- ii. Pergantian Partikel Kata Penyambung (*Ibdal al-Adawat*)
- iii. Pergantian Perkataan dengan Perkataan (*al-Ibdal al-Lafzi*)
- iv. Pergantian Melibatkan Frasa (*al-Ibdal al-Ta'biri*)
- v. Pergantian Tidak Lengkap (*al-Ibdal al-Naqis*)

Pembahagian jumlah dan peratus ialah sebagaimana berikut :

**Jadual 1** : Bentuk Pergantian (*al-Ibdal*) dalam Qira'at 'Abd Allah bin Mas'ud

BIL	BENTUK PERGANTIAN	JUMLAH	PERATUS
1	Pergantian Partikel Huruf dengan Huruf	7	2.46%
2	Pergantian Partikel Kata Penyambung	29	10.21%
3	Pergantian Perkataan dengan Perkataan	97	34.15%
4	Pergantian Melibatkan Frasa	17	5.63%
5	Pergantian Tidak Lengkap	135	47.53%
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>285</b>	

Berikut akan dihuraikan semua bentuk kategori Pergantian (*al-Ibdal*) berserta contoh.

### 6.1 Pergantian Partikel Huruf dengan Huruf (*al-Ibdal al-Harf bi al-Harf*)

Pergantian partikel huruf dengan huruf ini merujuk kepada pergantian yang melibatkan satu huruf dalam lafaz yang memberi maksud yang sama namun cara sebutannya berbeza, namun dekat dari sudut makhrjanya. Terdapat tujuh tempat dalam al-Qur'an yang merujuk kepada pergantian huruf dengan huruf yang lain. Antara contoh pergantian huruf dengan huruf ialah pergantian lafaz (وَفُومَهَا) yang telah dibaca dengan (وَتُومَهَا). Menurut penulisan ia jelas berlaku pertukaran huruf iaitu *al-Fa'* kepada huruf *al-Tha'*. Pergantian huruf ini berlaku dalam surah al-Baqarah ayat 61 sebagaimana berikut :

يُخْرِجُ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقَتَائِهَا وَفُومَهَا وَعَدْسِهَا وَبَصَلِهَا

Maksudnya : *Supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayurannya, dan mentimunya, dan bawang putihnya, dan adas (kacang dalnya), serta bawang merahnya*”.

Pergantian huruf ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud sebagaimana berikut :

وقال الضحاك : « الفوم الثوم » ، وهي قراءة عبد الله بن مسعود بالثاء



Maksudnya : *Telah berkata al-Dahhak : (الفوم الثوم) adalah merupakan Qira'at Abd Allah bin Mas'ud iaitu dengan menggunakan al-Tha'.* (al-Tha'alibi, 1418H)

Sekalipun berlaku pergantian, kedua perkataan berkenaan adalah memberi maksud yang sama (al-Tabari, 2000). Terdapat 3 maksud yang dikemukakan oleh al-Shawkani (1414H) yang dinukilkan daripada Ibn 'Abbas r.a iaitu roti, bijirin atau gandum.

## 6.2 Pergantian Partikel Kata Penyambung

Pergantian partikel kata penyambung merupakan pergantian yang melibatkan kata penyambung yang dikategorikan sebagai *Huruf al-Ma'ani*. *Huruf al-Ma'ani* ialah huruf-huruf yang mempunyai makna. Ia terbahagi kepada beberapa bentuk antaranya ialah *Al-Jarr*, *al-'Ataf*, *al-Tawkid*, *al-Nafiy*, *al-Istithna*, *al-Istifham* dan *al-Nida*'. Berdasarkan kajian dalam Qira'at dan Mashaf Ibn Mas'ud, terdapat 23 tempat khilaf yang melibatkan pergantian partikel kata penyambung. Antara contoh pergantian partikel kata penyambung ialah yang melibatkan *al-Nafi* iaitu pergantian kata (وَلَا) bermaksud 'tidak' kepada (وَلَنْ) yang bermaksud 'dan tidak sekali-kali' dalam ayat 119 surah al-Baqarah sebagaimana berikut :

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَا تُسْئَلُ عَنْ أَصْحَابِ الْجَحِيمِ

Maksudnya : *Dan (setelah engkau sampaikan semuanya itu), engkau tidak akan diminta (bertanggungjawab) tentang ahli neraka.*

Pergantian ini dinyatakan dalam riwayat sebagaimana berikut :

وفي قراءة ابن مسعود: "ولن تسأل عن أصحاب الجحيم"

Maksudnya : *Dan dalam Qira'at Ibn Mas'ud (dibaca dengan) : (ولن تسأل عن أصحاب الجحيم).* (Ibn Kathir : 1999).

Pergantian lafaz ini menjadikan makna lebih kuat iaitu lafaz (وَلَنْ) bermaksud 'tidak sekali-kali'. Ia tidak mengubah makna bahkan menjadikan makna lebih kuat dan bersifat *tafsiriyyah*.

## 6.3 Pergantian Perkataan dengan Perkataan (*Ibdal Lafz bi Lafz*):

Pergantian lafaz atau perkataan yang berlaku dalam Qira'at Ibn Mas'ud r.a merupakan suatu pergantian yang jelas berlaku perubahan dalam penulisan al-Qur'an. Ia berlaku pergantian suatu lafaz dengan perkataan yang baharu serta mempunyai maksud yang seerti dan pelbagai. Secara keseluruhan terdapat sebanyak 95 tempat yang berlaku pergantian perkataan dengan perkataan selainnya. Berdasarkan kajian yang dibuat, terdapat tiga bentuk pergantian lafaz atau perkataan dengan perkataan selainnya.

1. Perkataan Seerti dan Maksud Yang Sama (*Sinonim*)
2. Pergantian Lafaz Boleh Disepakati Maknanya.
3. Pergantian Lafaz Tidak Boleh Disepakati Maknanya.

Namun, berdasarkan kajian tidak terdapat pergantian perkataan yang berlaku bersifat berlawanan (*antonim*) antara satu sama lain.



### a. Perkataan Seerti dan Maksud Yang Sama (Sinonim)

Pergantian sinonim ini merupakan pergantian perkataan yang merujuk kepada makna yang sama. Terdapat sejumlah 10 tempat yang berlaku pergantian dalam konteks pergantian sinonim. Antara contoh pergantian sinonim ialah pergantian perkataan (تَبَدُّهُ) digantikan dengan perkataan (نَقَضَهُ) iaitu dalam Surah al-Baqarah ayat 100 :

أَوْ كَلَّمَا عَاهَدُوا عَهْدًا نَبَذَهُ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya : Patutkah (mereka ingkarkan ayat-ayat keterangan itu) dan patutkah tiap-tiap kali mereka mengikat perjanjian setia, dibuang dan dicabuli oleh segolongan dari mereka?.

Pergantian ini berlaku sebagaimana yang dinyatakan dalam periwayatan berikut :

وفي مصحف ابن مسعود « نقضه فريق »

Maksudnya : Dan dalam mashaf Ibn Mas'ud (dibaca dengan) : (نقضه فريق). (al-Tabari, 2000)

Kedua-dua perkataan berkenaan memberi maksud yang sama iaitu memungkir, membuang dan menolak (al-Zubaydi, 1414H).

### b. Pergantian Lafaz yang boleh disepakati maknanya.

Pergantian lafaz yang boleh disepakati maknanya merujuk kepada perkataan yang hampir kefahamannya dari sudut makna antara perkataan yang mengganti dan diganti. Sekiranya dirujuk kepada pentafsiran, ia bolehlah digolongkan dalam kategori kepelbagaian maksud (*tanawwu'at*). Berdasarkan penelitian terdapat sejumlah 48 perkataan yang boleh disepakati dengan maksud asal perkataan yang diganti. Antara contoh pergantian perkataan yang boleh disepakati maknanya ialah pergantian perkataan (وَجَلَّتْ) yang digantikan dengan lafaz (فَرَّقَتْ). Pergantian perkataan ini berlaku dalam surah al-Anfal ayat 2 sebagaimana berikut :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ

Maksudnya : Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka

Pergantian ini berdasarkan kepada periwayatan berikut :

وقرأ ابن مسعود « فَرَّقَتْ »

Maksudnya : Dan telah baca Ibn Mas'ud (dengan) : (فَرَّقَتْ). (Abu Hayyan, 1993)

Berdasarkan periwayatan Ibn 'Abbas, lafaz yang disandarkan kepada Ibn Mas'ud merupakan tafsir kepada perkataan asal (وَجَلَّتْ). (al-Suyuti, 2003). Ibn 'Atiyyah (1993) menyatakan lafaz (وَجَلَّتْ) bermaksud rasa takut dan ngeri. Lafaz kedua iaitu (فَرَّقَتْ) membawa maksud pecah, tersebar dan terbahagi. Justeru, kedudukan makna kedua perkataan ini adalah hampir yang mana kedua-duanya merujuk kepada hati yang gementar dan rasa takut kepada Allah Taala.

### c. Pergantian Lafaz Tidak boleh Disepakati Maknanya.

Selain pergantian sinonim dan yang boleh disepakati maknanya, terdapat 15 perkataan yang diganti tergolong sebagai pergantian lafaz yang tidak boleh disepakati maknanya. Walaupun semua perkataan ini tidak boleh disepakati namun ia tidak bermaksud berlawanan (*Tadad*). Antara contoh perkataan yang tidak boleh disepakati





maknanya ialah pergantian perkataan perkataan (وَالنُّجُومُ) yang telah digantikan dengan (وَالرِّيَّاحُ). Pergantian ini berlaku dalam surah *al-Nahl* ayat 12 sebagaimana berikut :

وَالنُّجُومُ مُسَخَّرَاتٌ بِأَمْرِهِ

Maksudnya : Dan bintang-bintang dimudahkan dengan perintahNya untuk keperluan-keperluan kamu.

Pergantian ini diriwayatkan sebagaimana berikut :

وقرأ ابن مسعود والأعمش وطلحة بن مصرف « والرياح مسخرات » في موضع « النجوم »

Maksudnya : Dan telah baca Ibn Mas'ud dan al-A'mash dan Talhah bin Musrif (dengan) (والرياح مسخرات) pada kedudukan (lafaz) (وَالنُّجُومُ). (Ibn 'Atiyah, 1422H)

Perkataan (وَالنُّجُومُ) bermaksud bintang manakala perkataan (وَالرِّيَّاحُ) bermaksud angin. Kedua-dua perkataan ini membawa maksud yang tersendiri dan tidak boleh disepakati antara keduanya. Abu Hayyan (1993) menyatakan ia pergantian ini adalah menyalahi mashaf.

#### 6.4 Pergantian Melibatkan Frasa (*al-Ibdal al-Ta'biri*)

Pergantian melibatkan frasa (*al-Ibdal al-Ta'biri*) merujuk kepada pergantian frasa merujuk kepada pergantian yang berlaku antara frasa dua perkataan atau lebih dengan frasa lain yang juga dua perkataan atau lebih. Ia terbahagi kepada dua bentuk iaitu pertama melibatkan pergantian perkataan dengan frasa dan kedua ialah melibatkan pergantian frasa dengan frasa.

Dalam Qira'at Ibn Mas'ud terdapat sebanyak 19 tempat berlakunya perbezaan yang melibatkan pergantian frasa (*al-Ibdal al-Ta'biri*) antara mashaf Uthmani dengan mashaf Ibn Mas'ud. Contoh pergantian melibatkan frasa (*al-Ibdal al-Ta'biri*) ialah pergantian lafaz berlaku pada frasa (وَمَا مِنَّا إِلَّا لَهُ) yang digantikan dengan frasa (وَإِنْ كُنَّا لَمَّا

كُنَّا لَمَّا). Pergantian ini berlaku dalam ayat 164 surah *al-Saffat* sebagaimana berikut :

وَمَا مِنَّا إِلَّا لَهُ مَقَامٌ مَّعْلُومٌ

Maksudnya : (Malaikat pula menegaskan pendirian mereka dengan berkata): “Dan tiada sesiapa pun dari kalangan kami melainkan ada baginya darjat kedudukan yang tertentu (dalam menyempurnakan tugasnya);

Riwayat yang menyatakan berlakunya pergantian menurut Qiraat Ibn Mas'ud r.a adalah sebagaimana berikut :

وقرأ ابن مسعود « وَإِنْ كُنَّا لَمَّا لَهُ مَقَامٌ مَّعْلُومٌ »

Maksudnya : Dan telah baca Ibn Mas'ud (dengan) : (وَإِنْ كُنَّا لَمَّا لَهُ مَقَامٌ مَّعْلُومٌ).

Frasa asal dalam mashaf *cUthmani* bermaksud “Dan tiada sesiapa pun dari kalangan kami melainkan” manakala pergantian dengan frasa baharu bermaksud “dan sesungguhnya setiap daripada kami kecuali”.

Penggunaan lafaz (لَمَّا) dalam ayat gantian berkenaan adalah merupakan salah satu dari bentuk *al-iththina*. Maka kesimpulan dari pergantian dan perselisihan ini ialah ia tidak mengubah maksud sebenar ayat berkenaan cuma ia diriwayatkan dalam bentuk yang lain.

#### 6.5 Pergantian Tidak Sempurna (*Al-Ibdal al-Naqis*)



Istilah *al-Ibdal al-Naqis* merupakan satu istilah baru yang dikemukakan oleh penulis dalam kajian ini berkaitan dengan *al-Ibdal*. Istilah ini diperkenalkan kerana terdapat beberapa lafaz yang telah dianalisis dalam kategori *al-Ibdal* adalah tidak sesuai dan kurang tepat jika digolongkan bersama. Justeru, kajian ini memperkenalkan satu istilah baru dalam perbincangan berkaitan dengan *al-Ibdal* khususnya dalam bidang kajian *al-Qira'at al-Syazzah*.

Berdasarkan penelitian, banyak lafaz atau kalimah yang berlaku perbezaan atau khilaf dalam bacaan 'Abd Allah bin Mas'ud adalah berpaksikan kepada kata kerja atau kata akar yang sama. Contohnya ialah lafaz (وَيَقْتُلُونَ) yang digantikan dengan lafaz (وَقَاتَلُوا) dalam ayat (وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ يَأْمُرُونَ بِالْقِسْطِ مِنَ النَّاسِ). Ia menunjukkan berlaku pergantian lafaz yang agak ketara dari sudut rasm namun hakikatnya ia masih menggunakan kata asal yang sama iaitu (قتل).

Perkataan *al-Naqis* bermaksud tidak sempurna (Ibn Manzur, 2009) dan kehilangan sebahagian sesuatu (*al-Fayyumi*, 2005). Ia merupakan kata lawan bagi sempurna (التام) atau cukup (الكامل). Pemilihan perkataan *al-Naqis* kerana pergantian yang berlaku dalam sesuatu lafaz dan perkataan itu tidak sempurna dan tidak menyeluruh disebabkan sebab dan faktor tertentu. Justeru, maksud *al-Ibdal al-Naqis* ialah suatu pergantian yang berlaku pada sesuatu lafaz yang masih dalam lingkungan makna yang hampir sama dan masih pada kata akar yang sama. Faktor dan sebab ia dikategorikan *al-Ibdal al-Naqis* adalah disebabkan perkara berikut:

- 1) Pergantian penambahan *al-Alif* dan *al-Lam al-Ta'rif*. (*Al-Ta'rif* dan *al-Tankir*)
- 2) Pergantian antara maskulin dan feminin. (*Al-Tazkir* dan *al-Ta'nith*)
- 3) Pergantian antara bilangan satu atau banyak. (*Al-Jam' wa al-Ifrad*)
- 4) Pergantian kalimah disebabkan berlakunya perubahan dalam perkataan (*Al-Tasrif al-Kalimah*)
- 5) Pergantian disebabkan bentuk-bentuk kata *jama'*.
- 6) Pergantian dan perubahan disebabkan perbezaan *al-I'rab*.
- 7) Pergantian dalam bentuk-bentuk kata terbitan (*Masdar*)
- 8) Mempunyai makna yang sama.
- 9) Pergantian disebabkan faktor loghat atau lajiah.

### 6.5.1 Bentuk-bentuk *al-Ibdal al-Naqis*

Secara keseluruhan terdapat sembilan bentuk *al-Ibdal al-Naqis* yang dikategorikan di bawah *al-Ibdal*. Kesemua bentuk ini adalah sebagaimana berikut:

#### a. Pergantian antara *Al-Ta'rif* dan *al-Tankir*

*Al-Ta'rif* dan *al-Tankir* biasanya disebut sebagai *Ma'rifah* dan *Nakirah*. Kedua istilah ini adalah berlaku hanya bagi *al-Isim* (kata nama) ('Abd al-Rahman bin Abi al-Wafa', 1995). Dalam *Qira'at* Ibn Mas'ud terdapat 4 perbezaan antara *al-Ta'rif* dan *al-Tankir* berbanding Mashaf Uthmani. Contoh yang melibatkan perbezaan bacaan Ibn Mas'ud dalam konteks *al-Ta'rif* dan *al-Tankir* berbanding Mashaf Uthmani ialah pada perkataan (السِّحْرُ) dan dibaca dengan (سحر) oleh Ibn Mas'ud r.a. Perkataan ini terdapat (ال) dalam Rasm Uthmani namun tiada dalam *Qira'at* Ibn Mas'ud r.a. Dalam keadaan ini menurut ilmu Rasm al-Qur'an, telah terdapat pengurangan huruf iaitu (ال) dalam lafaz berkenaan Pergantian ini berlaku dalam surah Yunus ayat 81 berikut :

فَلَمَّا لَفُوا قَالَ مُوسَىٰ مَا جِئْتُمْ بِهِ السِّحْرُ

Maksudnya : Nabi Musa berkata: " Apa yang kamu datangkan itu, itulah sihir.



Manakala yang dibaca Ibn Mas'ud r.a ialah dengan lafaz (سحر) merujuk kepada lafaz periwayatan sebagaimana berikut:

وفي حرف ابن مسعود رضي الله عنه « ما جئتم به سحر »

Maksudnya : *Dan dalam bentuk (bacaan) Ibn Mas'ud r.a (dibaca) : (ما جئتم به سحر).* (al-Suyuti, 2003)

#### b. Pergantian antara maskulin dan feminin. (*Al-Tazkir dan al-Ta'nith*)

Secara keseluruhan terdapat lapan tempat perbezaan maskulin dan feminin yang terdapat dalam Qira'at Ibn Mas'ud berbanding Mashaf Uthmani. Contoh perbezaan yang berlaku ialah perkataan (هذه) dibaca dengan (هذا) oleh Ibn Mas'ud r.a. Pergantian ini berlaku dalam surah Yusuf ayat 108 berikut :

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ

Maksudnya : *Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku menyeru semua manusia kepada agama Allah.*

Manakala yang dibaca Ibn Mas'ud ialah dengan lafaz (هذا) merujuk kepada lafaz periwayatan sebagaimana berikut:

وقرأ ابن مسعود : « قل هذا سبيلي » « والسبيل » : المسلك ، وتؤنث وتذكر

Maksudnya : *Dan telah baca Ibn Mas'ud (pada lafaz) (قل هذا سبيلي) Lafaz (والسبيل) bermaksud jalan. Dan ia berlaku feminin dan maskulin (bacaannya).* (Ibn 'Atiyah: 1422H)

#### c. Pergantian antara bilangan tunggal kepada majmuk.

Pergantian lafaz bilangan dari lafaz tunggal kepada majmuk telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam penulisan al-Qur'an. Pergantian ini telah menyebabkan berlakunya penambahan, pengurangan serta pertukaran huruf dalam sesuatu lafaz. Contoh bentuk pergantian yang berlaku ialah perkataan (لآية) diganti dengan (لآيات) oleh Ibn Mas'ud r.a. Pergantian ini telah menggunakan lafaz *Jama' Muannath Salim* sebagai ganti. Pergantian ini berlaku dalam surah Ali Imran ayat 49 berikut :

إِنَّ فِي ذَلِكَ لآيَةً لِّكُمْ إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

Maksudnya : *Sesungguhnya perkara-perkara yang demikian itu, mengandungi satu tanda (mukjizat) bagi kamu (yang membuktikan kebenaran bahawa aku seorang Rasul yang diutus oleh Allah kepada kamu), jika kamu orang-orang yang (mahu) beriman.*

Manakala yang dibaca Ibn Mas'ud r.a ialah dengan lafaz (لآيات) merujuk kepada lafaz periwayatan sebagaimana berikut:

وفي مصحف ابن مسعود « لآيات » على الجمع

Maksudnya : *Dan dalam Mashaf Ibn Mas'ud (لآيات) dibaca dengan lafaz jama'.* (Ibn 'Atiyah : 1422H).

#### d. Pergantian kalimah disebabkan berlakunya perubahan dalam perkataan. (*Al-Tasrif al-Kalimah*)



Perkataan (سَمِعَ) dan dibaca dengan (يَسْمَعُ) oleh Ibn Mas'ud r.a. Pergantian ini berlaku antara *Fi'l al-Madi* yang digantikan dengan *Fi'l al-Mudari*. Pergantian ini berlaku dalam surah al-Mujadalah ayat 1 berikut :

قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُجَادِلُكَ فِي زَوْجِهَا وَتَشْتَكِي إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ يَسْمَعُ تَخَاوُرُكُمْ

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah telah mendengar (dan memperkenan) aduan perempuan yang bersoal jawab denganmu (wahai Muhammad) mengenai suaminya.*

Manakala yang dibaca Ibn Mas'ud r.a ialah dengan lafaz (يَسْمَعُ) merujuk kepada lafaz periwayatan sebagaimana berikut:

وفي قراءة ابن مسعود : « قد يسمع الله قول التي »

Maksudnya : *Dan dalam Qira'at Ibn Mas'ud (dibaca dengan) : (قد يسمع الله قول التي).* (Ibn 'Atiyyah: 1422H)

#### e. Pergantian dan perubahan disebabkan perbezaan al-I'rab.

*Al-I'rab* ialah berubahnya akhir suatu perkataan kerana perbezaan amil-amil yang masuk sama ada secara lafaz atau *taqdir*. Bahagian i'rab itu ada empat, iaitu *raf'*, *nasb*, *khafd* atau *jar*, dan *jazm*. (Abd al-Rahman Qasim, 1984). Berdasarkan *al-I'rab* sesuatu perkataan boleh berubah sama ada baris mahupun susunan sesuatu lafaz.

Contoh pergantian yang berlaku disebabkan *al-I'rab* ialah perkataan (خَالِدِينَ) dan dibaca dengan (خَالِدَان) oleh Ibn Mas'ud r.a. Pergantian ini berlaku dalam surah al-Hashr ayat 17 sebagaimana berikut :

فَكَانَ عَاقِبَتُهُمَا أَنَّهُمَا فِي النَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا

Maksudnya : *Maka kesudahan keduanya, bahawa mereka ditempatkan di dalam neraka, kekal mereka di dalamnya.*

Manakala yang dibaca Ibn Mas'ud ialah dengan lafaz (خَالِدَان) merujuk kepada lafaz periwayatan sebagaimana berikut :

وقرأ الأعمش وابن مسعود : « خالداً » بالرفع على أنه خبر « أن »

Maksudnya : *Dan telah baca al-A'mash dan juga Ibn Mas'ud (خالداً) dengan al-raf' kerana ia adalah merupakan khabar kepada (أن).* (al-Zamakhshari 1407H)

Dalam periwayatan ini jelas menunjukkan berlakunya perubahan baris kerana ia telah menjadi *khabar* kepada (أن). Maka ia di baca dengan *rafa'* (baris *dammah*) dengan digantikan lafaz asal iaitu dengan menggunakan *al-ya'* kepada *al-alif*.

#### f. Pergantian dalam bentuk-bentuk kata terbitan (Masdar)

Fakhr Al-Din Qabawah (1978) menjelaskan definisi *masdar* ialah kata nama yang menunjukkan perbuatan yang tidak terikat dengan masa. Antara contoh pergantian yang berlaku disebabkan bentuk-bentuk kata terbitan (*masdar*) adalah perkataan (غَشْوَةٌ) dan dibaca dengan (عَشِيَّةً) oleh Ibn Mas'ud r.a. Pergantian ini berlaku dalam surah al-Baqarah ayat 7 sebagaimana berikut:

وَعَلَىٰ أَبْصَارِهِمْ غِشْوَةٌ

Maksudnya : .. *Dan pada penglihatan mereka ada penutupnya.*



Manakala yang dibaca Ibn Mas'ud ialah dengan lafaz (عَشِيَّةٌ) merujuk kepada lafaz periwayatan sebagaimana berikut :

وقال الثوري : « كان أصحاب عبد الله يقرؤونها « عَشِيَّةٌ » بفتح الغين والياء والرفع

Maksudnya : *Dan telah berkata al-Thawri : Dan adalah pengikut-pengikut Abd Allah bin Mas'ud telah membaca (dengan) (عَشِيَّةٌ) dengan baris fathah di atas al-Ghayn dan al-Ya' dan dibaca dengan marfu'.* (Abu Hayyan, 1993).

Perkataan ini adalah merupakan kata terbitan yang sama yang mana memberi maksud yang sama. Menurut Abu al-Fayd al-Zubaydi (1414) menyatakan terdapat empat kesemua bentuk masdar untuk perkataan (عَشَى) iaitu (عَاشِيَةٌ) (وَعَشَايَةٌ وَعَشَايَةٌ وَعَشَايَةٌ). Ia telah memberi maksud yang sama iaitu ditakluk dan dilitupi.

#### g. Pergantian disebabkan bentuk-bentuk *al-Jam'*

Menurut Ibn Jinni (1985) menyatakan terdapat dua bentuk *Jama'* iaitu *Jama' Tashih* dan *Jama' Taksir*. Berdasarkan bacaan Ibn Mas'ud terdapat beberapa tempat yang mana berlaku pergantian bentuk lafaz *jama'*, kajian ini membahagikan kepada tiga bentuk iaitu :

1. *Jama' Tashih* yang digantikan dengan *Jama' Taksir*.
2. *Jama' Taksir* yang digantikan dengan *Jama' Tashih*
3. *Jama' Taksir* yang digantikan dengan bentuk *Jama' Taksir* yang lain.

Berikut adalah contoh *al-Ibdal al-Naqis* disebabkan pergantian dalam bentuk-bentuk *al-Jam'*. Terdapat 3 pergantian perkataan iaitu (فَالصَّالِحَاتُ) yang dibaca dengan (فَالصَّوَالِحُ), (فَتَبَّتْ) yang dibaca dengan (قَوَانِت) dan (حَفِظَتْ) yang dibaca dengan (حَوَافِظُ) oleh Ibn Mas'ud r.a. Pergantian ini berlaku dalam bentuk *Jamac Mu'annath Salim* yang digantikan dengan *Jama' Taksir*. Pergantian ini berlaku dalam ayat 34 Surah al-Nisa :

فَالصَّالِحَاتُ فِتَبَّتْ حَفِظَتْ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ

Maksudnya : *Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya.*

Bacaan (فَالصَّوَالِحُ), (قَوَانِت) dan (حَوَافِظُ) yang dibaca Ibn Mas'ud r.a adalah merujuk kepada lafaz periwayatan sebagaimana berikut:

وفي مصحف ابن مسعود « فالصوالح قوانت حوافظ » وهذا بناء يختص بال مؤنث

Maksudnya : *Dan dalam Mashaf Ibn Mas'ud: dibaca dengan (فَالصَّوَالِحُ قَوَانِت حَوَافِظُ) dan ini adalah lafaz bina' yang khusus untuk feminin.* (al-Qurtubi, 2003)

#### h. Mempunyai makna yang sama

Bentuk *al-Ibdal al-Naqis* juga ialah merujuk kepada pergantian disebabkan mempunyai makna yang sama. Ia digolongkan dalam bahagian *al-Ibdal al-Naqis* bukan dalam kategori lafaz dengan lafaz (*al-Lafz bi al-Lafz*) kerana lafaz yang di bincang masih berada dalam lingkungan perkataan yang kata akar serta penggunaannya adalah hampir



sama. Sebagai contoh ialah perkataan (سِينِينَ) yang dibaca dengan (سِينَاء) oleh Ibn Mas'ud r.a. Pergantian ini berlaku dalam surah al-Tin ayat 2 iaitu :

وَطُورِ سِينِينَ

Maksudnya : *Dan Gunung Tursina*

Bacaan (سِينَاء) yang dibaca Ibn Mas'ud r.a adalah merujuk kepada lafaz periwayatan sebagaimana berikut :

وقرأ عمر بن الخطاب وطلحة والحسن وابن مسعود : « سِينَاء » بكسر السين

Maksudnya : *Telah membaca 'Umar al-Khattab, Talhah, al-Hasan dan Ibn Mas'ud dengan (سِينَاء) iaitu dengan kasrah pada al-sin. (al-Shawkani, 1414H)*

Menurut Abu 'Ubayd al-Andalusi (1403H) menyatakan ia merujuk kepada makna yang sama iaitu sebuah pokok, manakala dalam *Lisan al-'Arab* ia adalah merujuk kepada nama bukit yang ada di Syam.

#### i. Pergantian disebabkan faktor loghat atau lahjah

Bentuk terakhir dalam *Al-Ibdal Naqis* ialah yang melibatkan lahjah atau loghat Hudhayl iaitu nisbah keturunan Ibn Mas'ud r.a yang berketurunan Bani Hudhayl. Khilaf ini berlaku dalam ayat 32 surah al-Qasas iaitu:

فَذَنْكَ بُرْهَنَانٍ مِّن رَّبِّكَ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِ

Maksudnya : *Yang demikian adalah dua bukti dari Tuhanmu (untuk engkau menunjukkannya) kepada Firaun dan kaumnya*

Lafaz dalam riwayat Ibn 'Atiyyah (1422H) menyatakan sebagaimana berikut :

وقرأ ابن مسعود « فذانيك » بالياء أيضاً مع شد النون وهي لغة هذيل

Maksudnya : *Telah membaca Ibn Mas'ud (فَذَانِيكَ) dengan al-Ya' juga berserta mentashdidkan al-Nun, dan ini adalah merupakan loghat Hudhayl.*

Pergantian berlaku iaitu pada perkataan (فَذَانِيكَ) yang dibaca dengan (فَذَانِيكَ). Faktor loghat ini tidak melibatkan perubahan makna perkataan kerana ia hanya berlaku perubahan dari sudut sebutan loghat sahaja.

## 7.0 KESIMPULAN

Kategori Pergantian (*al-Ibdal*) merupakan kategori yang paling banyak berlaku perbezaan antara Qira'at Ibn Mas'ud dan Mashaf Uthmani. Perbezaannya berjumlah 285 tempat daripada keseluruhan 413 khilaf Qiraat Ibn Mas'ud berbanding Mushaf Uthmani yang merupakan Qiraat Mutawatirah. Ia menunjukkan jumlahnya yang lebih daripada separuh iaitu sebanyak 69.01%. Dari sudut makna, semua bentuk pergantian yang berlaku hakikatnya tidak mengubah makna secara radikal sekalipun bentuk tulisan jauh berbeza antara pengganti dan yang diganti. Kebanyakan perbezaan yang berlaku adalah mempunyai maksud yang sama dan hampir sama cuma dalam lafaz yang berbeza, bersifat *tafsiriyyah* dan bersifat *tanawwu'at* (kepelbagaian) bukan *tadad* (berlawanan).

## Rujukan

'Abd al-Sabur Shahin. 1966. *al-Qira'at al-Qur'aniyyah fi Du'i 'Ilm al-Lughah al-Hadith*. Qahirah : Maktabah al-Khanji.

- Abu Hayyan al-Andalusi, Muhammad bin Yusuf bin Ali bin Yusuf. 1993. *Tafsir al-Bahr al-Muhit*. Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abu Shamah, ‘Abd al-Rahman bin Isma’il bin Ibrahim. 1978. *Ibrah al-Ma’ani min Hirz al-Amani fi al-Qira’at al-Sab’i*. Maktabah Mustafa al-Bab al-Halabi wa Awladuhu.
- Abu Zakariyya Yahya bin Ziyad al-Farra’. 2010. *Ma’ani al-Qur’an*. Misr : Dar al-Misriyyah Li al-Ta’lif wa al-Tarjamah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma’il bin Ibrahim bin al-Mughirah. 1993. *Sahih al-Bukhari : al-Musnad min Hadith Rasul Allah SAW min Sunanah wa Ayyamih*. Dimasyq : Dar al-Ulum al-Insaniah.
- al-Bulqini, Jalal al-Din bin Abd al-Rahman bin ‘Umar. 2010. *Mawaqi’ al-Ulum fi Mawadi’ al-Nujum*. Dar al-Sahabah.
- al-Fayyumi, Abu al-‘Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ali. 2005. *al-Misbah al-Munir fi Gharib Sharh al-Kabir*. Dar al-Mu’ayyid Li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- al-Fudayli, Abd al-Hadi . 1405H/1985. *Al-Qira’at al-Qur’aniyyah*. Bayrut : Dar al-Qalam.
- Al-Hakim, Muhammad bin Abd Allah bin Abu Abd Allah al-Hakim al-Naysaburi. 1990. *al-Mustadrak ‘Ala al-Sahihayn*. Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Jassas, Abu Bakr Ahmad bin ‘Ali al-Razi. 1405H. *Ahkam al-Qur’an*. Bayrut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Nuwayri, Muhammad bin Muhammad Muhib al-Din, Abu al-Qasim . 2003. *Syarh Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira’at al-‘Asyr*. Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qadi, Abd al-Fattah bin Abd al-Ghani. 1999. *al-Wafi fi Sharh al-Shatibiyyah fi al-Qira’at al-Sab’*. Jeddah : Maktabah al-Sawadi Li al-Tawzi’ al-Tiba’ah.
- Al-Qattan, Manna’ Khalil. 1998. *Mabahith fi ‘Ulum al-Qur’an*. Bayrut : Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad Bin Abi Bakr al-Ansari al-Khazraji . 2003. *Al-Jami’ Li Ahkam al-Qur’an*. Riyadh : Dar ‘Alam al-Kutub
- Al-Safaqusiy Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Salim. 2004. *Ghayth al-Naf’i fi al-Qira’atal-Sab’i* . Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sakhawi, Ilm al-Din. 2008. *Jamal al-Qurra’ wa Kamal al-Iqra’*. Makkah: Maktaabah al-Turath.
- Al-Shawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Yamani . 1414H. *Fath al-Qadir*. Dimashq : Dar Ibn Kathir.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 1988. *Al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an*. Tahq: Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim. Bayrut: Maktabah al-‘Asriyyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 2003. *al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma’thur*. Misr : Dar Hijr.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Kathir Abu Ja’far. 2000. *Jami’ al-Bayan fi Ta’wil al-Qur’an*. Bayrut : Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. 1407H. *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tahawi, Abu Ja’far Ahmad bin Muhammad bin Salamah al-Azdi (1995) *Ahkam al-Qur’an al-Karim*. Istanbul : Markaz Buhuth al-Islamiyyah.
- Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud bin ‘Amru bin Ahmad . 1407H. *al-Kashshaf ‘An Haqa’iq Ghawamid al-Tanzil*. Bayrut : Dar al-Kitab al- ‘Arabi.
- Al-Zarqani, Muhammad Abd al-‘Azim. 1995. *Manahil al-‘Irfan fi ‘Ulum al-Qur’an*. Bayrut : Dar al-Kutub al-‘Arabi
- Al-Zubaydi, Abu al-Fayd .1414H. *Taj al-Arus min Jawahir al-Qamus*. Bayrut : Dar al-Fikr.
- Fakhr Al-Din Qabawah. 1978. *al-Mawrid al-Kabir*. Qum Iran : Adab al-Hawzah.
- Ibn ‘Atiyyah. Abi Muhammad Abd al-Haq bin Ghalib al-Andalusi. 1993. *Al-Muharrir al-Wajiz fi Tafsir al-‘Aziz*. Tahq : al-Sayyid ‘Abd al-Allah al-Sayyid Ibrahim et.al. Qahirah : Dar Ibn Hazm.
- Ibn al-Athir al-Jazari. 1987. *Al-Kamil fi al-Tarikh*. Bayrut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Shams al-Din Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Ali ibn Yusuf. 1999. *Munjid al-Muqr’in wa Mursyid al-Talibin*. Bayrut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. 1994. *Tayyibah al-Nashr Fi Qira’at al-‘Asyr*. P.thq . Muhammad Tamim al-Zu’bi. al-Madinah al-Munawwarah : Maktabah Dar al-Huda.
- Ibn Faris, Abi al-Hasab Ahmad bin Faris Zakariyya. 1991. *Maqayis al-Lughah*. Tahqiq: Abd al-Salam Muhammad Harun. Bayrut: Dar al-Jil.



- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali bin Hajar al-Asqalani. 1415H. *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah* Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Jinni, Abu al-Fath 'Uthman al-Jinni, 1985. *Al-Luma' fi al-Arabiyyah*. Riyad : Alam al-Kutub Li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar bin Kathir. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Misr : Dar al-Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim . 2009. *Lisan al-'Arab*. Lubnan : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibrahim Muhammad Naja, t.t *al-Lahajat al-Arabiyyah*. Misr. Dar al-Matbaah al-Sa'adah
- Khalid 'Abd al-Rahman al-'Akk . 1994. *Usul al-Tafsir wa Qawa'iduh*. Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- Makki bin Abi Talib al-Qaysi . 1977. *al-Ibanah 'An Ma'ani al-Qira'at*. Misr : Dar al-Nahdah.
- Muhammad Rawwas Qal'ah Ji. 1984. *Mawsu'ah Abd Allah bin Mas'ud*. Bayrut : Dar al-Nafa'is.
- Muhammad Riyad Karim. 1996. *al-Muqtadib fi Lahajat al-'Arab*. Tanta, Misr: Tab'ah al-Turki.
- Muhammad Salim Muhaysin. 1993. *al-Mughni fi Tawjih al-Qira'at al-'Ashr al-Mutawatirah*, Bayrut: Dar al-Jil.
- Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushayri. 1365H. *al-Jami' al-Sahih al-Musamma Sahih Muslim*. Bayrut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Sha'ban Muhammad Isma'il . 2001. *Rasm al-Mashaf wa Dabtuhu Bayn al-Tawqif wa al-Istilahat al-Hadithah*. Qahirah : Dar al-Salam Li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Subhi Salih . 1977. *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Bayrut : Dar al- 'Ilm Li al-Malayin.